

NAMA: ..... TINGKATAN: .....

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



## JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2010

1249/2

(OTI 2)

SEJARAH SPM

Kertas 2

OGOS

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
4. *Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
5. *Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
8. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Disediakan oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

### TERENGGANU ANJUNG ILMU


Dicetak Oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

**Bahagian A**  
**(40 markah)**  
**Jawab Semua Soalan**



1 (a) Senaraikan dua daripada peperangan tersebut.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(b) Nyatakan prinsip-prinsip peperangan mengikut ajaran Islam.

(i) .....

(ii) .....

(iii) ..... [3 markah]

(c) Berikan dua bukti bahawa Islam berkembang secara sukarela dan toleransi bukan dengan paksaan.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(d) Nyatakan strategi Nabi Muhammad s.a.w menyebarkan Islam di luar dari Kota Makkah dan Madinah.

..... [1 markah]

(e) Pada pandangan anda, bagaimanakah sesebuah negara boleh mengelak berlakunya peperangan dengan negara lain?

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

Kedatangan imigran Cina dan India ke negara kita dipengaruhi oleh banyak faktor dan kesannya melahirkan masyarakat berbilang kaum.

- 2 (a) Apakah faktor-faktor yang mendorong kedatangan imigran dari China dan India ke Tanah Melayu?
- (i) .....
  - (ii) ..... [2 markah]
- (b) Nyatakan cara kemasukan imigran ke negara kita dari awal abad ke-19 hingga awal abad ke-20.
- (i) Imigran Cina: ..... [1 markah]
  - (ii) Imigran India: ..... [1 markah]
- (c) Nyatakan tiga ciri masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu
- (i) .....
  - (ii) .....
  - (iii) ..... [3 markah]
- (d) Pada pendapat anda, apakah cara untuk mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita?
- (i) .....
  - (ii) .....
  - (iii) ..... [3 markah]

Pada awal kurun ke-20, semangat kebangsaan dibangkitkan oleh golongan pelajar yang mendapat pendidikan di Mesir. Mereka mengasaskan Gerakan Islah.

3 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Gerakan Islah?

..... [1 markah]

(b) (i) Namakan seorang tokoh yang memimpin Gerakan Islah.

..... [1 markah]

(ii) Senaraikan dua akhbar yang menjadi saluran Gerakan Islah menyebarkan idea perjuangan mereka?

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(c) Nyatakan idea-idea yang disampaikan melalui Gerakan Islah.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(d) Mengapakah Gerakan Islah hanya dapat bergerak di Negeri-Negeri Selat?

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(e) Pada pandangan anda, mengapakah sebahagian besar masyarakat Melayu boleh menerima idea yang dibawa oleh Gerakan Islah?

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

Perang Dunia Pertama merupakan konflik antarabangsa yang berlaku pada pertengahan abad ke-20. Konflik ini telah meninggalkan kesan besar terhadap sejarah dunia.

4 (a) Nyatakan dua sebab berlakunya Perang Dunia Pertama.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(b) Namakan dua negara yang menganggotai Perikatan Kuasa Tengah.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(c) Namakan dua negara yang menganggotai Pakatan Bertiga

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(d) Nyatakan dua kesan Perang Dunia Pertama.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(e) Bagaimanakah sesebuah negara boleh menjalinkan hubungan baik antara satu sama lain?

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

**Bahagian B**  
**[60 markah]**  
Jawab **tiga** soalan sahaja

5

Peningkatan tamadun India dapat dilihat menerusi kemajuan yang telah dicapai dalam aspek ekonomi dan sosial


- (a) Terangkan kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam tamadun India [8 markah]
- (b) Jelaskan perkembangan sistem pendidikan dalam tamadun India [7 markah]
- (c) Berikan lima cadangan supaya Malaysia dapat mencapai status negara maju [5 markah]

6 Para sejarawan telah mengemukakan tiga teori tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara, iaitu dari Semenanjung Tanah Arab, China dan India.

- (a) (i) Jelaskan teori dan bukti kedatangan Islam dari Semenanjung Tanah Arab. [7 markah]
- (ii) Apakah bukti yang menunjukkan Islam datang dari China. [5 markah]
- (b) Bagaimanakah para pedagang Islam dari Arab, China dan India berperanan menyebarkan agama Islam di Asia Tenggara? [4 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah Asia Tenggara menjadi tumpuan pedagang asing? [4 markah]

7 Idea pembentukan Malaysia telah pun dikemukakan sejak awal abad ke-19.

- (a) Jelaskan cadangan-cadangan yang dikemukakan ke arah pembentukan Malaysia. [6 markah]
- (b) Terangkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia. [10 markah]
- (c) Cadangkan empat cara untuk generasi muda mengekalkan kemerdekaan Malaysia? [4 markah]



- 8 (a) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. [6 markah]
- (b) Badan Perundangan bertanggungjawab dalam proses meluluskan undang-undang di Parlimen. Nyatakan proses untuk meluluskan undang-undang di parlimen sehingga menjadi undang-undang yang sah? [6 markah]
- (c) (i) Jelaskan perjalanan kementerian sebagai badan pelaksana. [4 markah]
- (ii) Nyatakan fungsi badan kehakiman. [4 markah]
- 9 Antara usaha untuk membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat di negara kita ialah melalui kebudayaan dan sukan.
- (a) Nyatakan kepentingan Dasar Kebudayaan Kebangsaan? [4 markah]
- (b) Bagaimanakah sukan boleh membentuk semangat perpaduan di negara kita? [4 markah]
- (c) Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- (i) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah langkah yang telah kerajaan lakukan bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? [8 markah]
- (ii) Apakah saranan anda kepada generasi muda kini agar dapat mengekalkan kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara kita? [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**